

28 MAR 1997

Anwar-Singapura

MASA DIPERLUKAN UNTUK PULIHKAN KEYAKINAN DALAM HUBUNGAN M'SIA-S'PURA

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Kabinet yang bermesyuarat Rabu lepas memutuskan bahawa hubungan dua hala dengan Singapura akan diteruskan tetapi ia memerlukan masa untuk kembali ke tahap keyakinan seperti dahulu.

"Kita memperaku dalam kabinet yang kita akan teruskan hubungan dua hala seperti biasa cuma ia tidaklah berlaku dengan mendadak...tetapi ia mengambil masa," katanya kepada pemberita selepas melawat penjaja di Chow Kit, di sini.

Ini adalah kali pertama Anwar membuat kenyataan sejak laporan akhbar bahawa Malaysia telah membekukan urusan baru dengan republik itu berikutan kontroversi yang dicituskan oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menghina Johor.

Ketika ditanya mengenai urusan baru dengan Singapura di masa depan, beliau berkata "sudah tentu kita mahu meneruskannya tetapi pada peringkat awal jangan mengharapkan ia dibuat pada kadar yang kita hajati...ia bergantung kepada reaksi Singapura kerana hubungan dua hala adalah satu peraturan timbal balas."

Selepas persidangan berita itu, satu kenyataan tiga perenggan oleh Anwar dikeluarkan mengenai perbincangan Kabinet berhubung Singapura pada mesyuarat mingguan yang dipengeruskannya berikutan ketiadaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan rasmi ke Jepun.

Dalam kenyataan itu, Anwar berkata Kabinet membincangkan peristiwa-peristiwa ekoran daripada kenyataan memburuk-burukkan Malaysia oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menyifatkan Johor sebagai negeri yang banyak jenayah, terkenal dengan "tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta."

Kabinet kecewa bahawa beberapa anggota kerajaan Singapura nampaknya kurang pemahaman dan kesungguhan, sehingga ada yang kelihatan mengecil-kecilkan isu itu.

Anwar berkata Kabinet mengulangi keputusannya yang dibuat pada 19 Mac untuk menerima permohonan maaf oleh Lee dan mengulangi bahawa "kami mahu hubungan dengan Singapura dipulihkan."

"Bagaimanapun, hubungan sedemikian adalah satu perkongsian. Yang dipersoalkan ialah kualiti perkongsian itu. Memanglah ia memerlukan masa dan usaha di kedua-dua pihak untuk menjalin semula tahap keyakinan seperti dahulu," katanya.

Kabinet sependapat dengan rakyat Malaysia bahawa hubungan kejiiran yang baik dibina atas prinsip timbal balas, dipupuk oleh persefahaman saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, kata beliau.

Pada 19 Mac, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan selepas mesyuarat mingguan Kabinet bahawa Kerajaan Malaysia menerima permohonan maaf Lee tetapi berkata ia akan memerlukan masa untuk memulihkan hubungan ke tahap sedia ada.

Selepas mesyuarat Kabinet dua hari lepas, beberapa menteri, termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata Kabinet memutuskan untuk membekukan hubungan baru dengan Singapura kerana ia dukacita dengan komen Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Menteri Luar S. Jayakumar.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, Anwar berkata: " Saya faham akan perasaan kesal rakyat Malaysia seperti yang disuarakan menteri-menteri

dalam mesyuarat Kabinet sebab nampak sebahagian pemimpin Singapura tidak tunjuk sensitif dan faham tentang kegelisahan akibat tuduhan liar Lee."

"Sebab itu saya dapat mengerti keluhan perasaan mereka yang ingin mendapatkan pandangan dalam Kabinet," katanya.

Bila ditanya ada menteri mengemukakan pandangan membekukan hubungan di peringkat kerajaan, Anwar berkata, ini adalah sebahagian pandangan yang disuarakan oleh mereka.

"Saya jelaskan kepada mereka yang saya dapat mengerti rasa gelisah mereka dan kekecewaan dan kemarahan orang ramai malah ada cadangan khusus dikemukakan tetapi keputusan kita ialah teruskan hubungan dua hala walaupun kita mengerti ia akan mengambil masa," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai adanya cadangan membekukan hubungan dengan Singapura berkaitan bidang sukan dan kebudayaan, beliau berkata: "ada cadangan berdasarkan syor-syor yang dikemukakan kepada beberapa menteri dan kementerian.

"Tetapi saya berkata meskipun begitu, kabinet mengulangi keputusannya yang terdahulu supaya hubungan dengan Singapura dipulihkan," katanya.

Ketika ditanya apa yang Malaysia harapkan dari Singapura, beliau berkata: "Terpulang kepada mereka (Singapura)...kita biarkan mereka. Kita harap pemerintahan Singapura pikul tanggungjawab untuk pulih keadaan."

Anwar berkata Malaysia telah menunjukkan rasa hormat dan sikap toleransi dan tidak mengeluarkan kata-kata kesat atau kenyataan yang menghina mengenai jirannya.

"Kalau kita buat tuduhan kepada jiran dan kemudian minta maaf tak mudah jiran itu menjalankan kegiatan seperti biasa tapi ia ambil masa," katanya.

Anwar berkata Malaysia harus ambil kira bahawa perlu ada semangat untuk teruskan kerjasama kedua-dua belah pihak.

"Cuma seperti kita sebut dulu ia tidak mungkin berlaku dengan mendadak, hubungan kekal biasa tetapi ia ambil masa sedikit untuk pulih dan semangat kerjasama ini penting dan perlu ada sikap muafakat, hormat menghormati antara satu sama lain walaupun ada pebezaan pendapat," katanya. -- BERNAMA

ARA AKD